

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YBHG. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMAD
KAWASAN : LIPIS
TARIKH : 26 OKTOBER 2017
NO. SOALAN : 37

SOALAN

YBhg. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamed [Lipis] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan asing yang telah berjaya dibawa masuk dari negara-negara luar ke Malaysia setakat ini serta impaknya terhadap peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh dari tahun 1980 hingga 2016, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM1.1 trilion. Pelaburan ini melibatkan sejumlah 28,907 projek dan menjana peluang pekerjaan sebanyak 3,282,371. Daripada jumlah ini, RM576 bilion atau 52.4 peratus merupakan pelaburan langsung asing (FDI), manakala RM524 bilion (47.6 peratus) merupakan pelaburan domestik.

Berdasarkan jumlah FDI yang diluluskan mengikut industri bagi tahun 1980 hingga 2016, produk elektronik dan elektrik menerima FDI tertinggi sebanyak RM200 bilion, diikuti produk asas logam (RM75.3

bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM67.9 bilion), kimia dan produk kimia (RM55.3 bilion) dan produk galian bukan logam (RM30.7 bilion).

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 pula, jumlah pelaburan yang diluluskan bagi sektor perkilangan adalah sebanyak RM17 bilion melibatkan 302 projek dan dijangka menjana sebanyak 21,904 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan ini, RM9.6 bilion atau 56.5 peratus adalah FDI, manakala RM7.4 bilion (43.5 peratus) merupakan pelaburan domestik.

Berdasarkan jumlah FDI yang diluluskan mengikut industri bagi tempoh Januari hingga Jun 2017, produk elektronik dan elektrik menerima FDI tertinggi sebanyak RM5.3 bilion, produk peralatan pengukuran dan saintifik (RM1.5 bilion), kimia dan produk kimia (RM1 bilion), produk galian bukan logam (RM0.4 bilion) dan produk petroleum termasuk petrokimia (RM0.3 bilion).

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kerajaan yang menggalakkan kemasukan FDI bernilai tinggi adalah kerana ianya menghasilkan impak yang positif kepada pertumbuhan ekonomi negara, terutamanya bagi:

- (i) Melengkapkan ekosistem rangkaian bekalan industri tempatan:

Pembukaan projek-projek pelaburan baharu akan memberi peluang perniagaan kepada industri tempatan daripada

1
85

aspek penglibatan dalam rantaian bekalan yang lebih meluas. Sumber bekalan bahan mentah tempatan, perkhidmatan logistik, penyewaan gudang dan kilang, bekalan utiliti, air dan pembentungan adalah contoh limpahan peluang perniagaan yang bakal wujud kepada industri tempatan sebagai salah satu daripada ekosistem rantaian bekalan sesebuah projek pelaburan.

- (ii) Meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan mengurangkan pengangguran:

Antara matlamat Kerajaan menggalakkan pengaliran masuk FDI adalah untuk meningkatkan peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat tempatan dan mengurangkan kadar pengangguran negara. Dengan adanya projek-projek perkilangan bernilai tinggi dan infrastruktur yang baharu, banyak peluang pekerjaan terutamanya yang bernilai dan berpendapatan tinggi dapat diwujudkan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.

- (iii) Mempercepatkan pemindahan teknologi dan kepakaran:

Pelabur-pelabur asing akan membawa bersama teknologi dan sistem pengurusan moden dan terkini serta tenaga profesional yang pakar dan produktif. Mereka juga akan melaksanakan pelbagai program untuk melatih tenaga kerja tempatan bagi mengembangkan pengetahuan kepakaran agar pekerja-pekerja tempatan dapat menjalankan tugas dengan lebih efektif.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan akan meneruskan usaha menarik pelaburan dari dalam dan luar negara yang berkualiti tinggi bagi memastikan pembangunan ekonomi yang mapan serta dapat memberi faedah maksimum kepada rakyat dan negara. Pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi memastikan negara amnya dan rakyat khususnya mendapat keuntungan langsung daripada pelaburan yang dibuat di Malaysia. Ini termasuklah akses kepada usahawan tempatan dalam rangkaian bekalan serantau dan global serta peluang pekerjaan bernilai dan berpendapatan tinggi kepada rakyat tempatan.

Sekian, terima kasih.